

Orang ramai dijemput ke Tamu Gadang UMS

KOTAKINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan mengadakan pesta Tamu Gadang sempena konvokesyen kali ke-6 selama seminggu pada 7 hingga 13 September ini untuk meraikan graduan-graduan UMS yang akan menerima ijazah.

Majlis konvokesyen UMS berlangsung pada 12 hingga 13 September.

Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima Haji Ahmadshah Abdullah akan merasmikan Tamu Gadang itu pada 8 September.

Pesta ini terbuka kepada orang ramai yang ingin membawa keluarga dan sanak saudara untuk melihat pelbagai aktiviti menarik sepanjang Tamu Gadang dijalankan disamping dapat melihat keindahan dan suasana kampus yang cantik di Negeri Bawah Bayu.

Dianggarkan lebih 20,000 orang pengunjung akan mengunjungi Tamu Gadang yang diadakan setiap tahun bermula tahun 1999 lagi.

Tamu Gadang dianggap sebagai tamu terbesar yang diadakan di negeri Sabah kerana pelbagai acara menarik diadakan seperti gerai-gerai jualan, gerai-gerai

makanan, pameran ketenteraan, pameran oleh badan kerajaan dan swasta, pelbagai pertandingan, acara kebudayaan, demonstrasi dan paling menarik diadakan konsert artis terkenal tanah air.

Konsert artis terkenal iaitu Konsert Akademi Fantasia 2 akan diadakan pada 12 September, jam 9 malam bersamaan hari Ahad. Artis Akademi Fantasia 2 yang akan membuat persembahan ialah Zahid, Linda, Adam, Kaer, Zarina dan Mas.

Program Tamu Gadang ini merupakan aktiviti tahunan mahasiswa yang terbesar yang dianjurkan oleh Persatuan Mahasiswa Universiti Malaysia Sabah melibatkan pelbagai pihak dan memerlukan komitmen yang tinggi.

Keterlibatan mahasiswa dalam mengurus dan mengelola ini memberi mereka peluang berorganisasi dan mempelajari sedikit sebanyak pengalaman mengurus serta berinteraksi dengan pelbagai pihak.

Pengalaman secara praktikal ini sudah tentu tidak diperolehi di bilik-bilik kuliah dan ini dapat memberi mereka kekuatan dalam bidang pengurusan disamping dapat membentuk jatidiri untuk melatih diri menghadapi cabaran.

S
A SABAH